

Oleh Alias Abd Rani
lias@hmetro.com.my
Nilai

Pusat Akses Pembelajaran Terbuka Global (GOAL Centre), berjaya meletakkan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) sebagai Universiti Awam (UA) pertama yang dipilih dan disenaraikan dalam platform Apple iTunes U.

Apple iTunes U adalah katalog terbesar bagi bahan pembelajaran percuma di serata dunia, selain menyediakan pendaftaran program atau kursus secara percuma dan tanpa had.

Pengarah GOAL Centre USIM, Prof Dr Rozhan Mohammed Idrus berkata, berkonsepkan pembelajaran atas talian, bahan yang dimuat naik dalam peranti Apple juga boleh diakses tanpa Internet (offline), selaras dengan hasrat meluaskan akses kepada pendidikan.

Beliau berkata, dengan penyenaian USIM dalam platform itu, pengguna di seluruh dunia boleh menggunakan kandungan sebagai perkongsian kursus dan program secara atas talian secara percuma.

“Oleh itu, GOAL Centre mengalu-alukan bahan berguna dan mempunyai nilai naqli dan aqli untuk per-



KAKITANGAN GOAL Centre menunjukkan platform Apple iTunes U@USIM yang dapat diakses secara atas talian menggunakan gajet keluaran Apple.

■ USIM dipilih dalam Apple iTunes U

kongsian secara global di iTunes U,” katanya.

Beliau berkata, kerjasama antara USIM dan Apple Education (M) dimulakan sejak tahun lalu manakala usaha awal mendaftarkan USIM dalam platform Apple iTunes bermula Februari tahun ini.

“Usaha memperkaya kandungan Apple iTunes U dimulakan dengan memilih dan menempatkan video

Bahan yang dimuat naik dalam peranti Apple juga boleh diakses tanpa Internet

‘Open Educational Resources USIM’ yang mempunyai unsur integrasi Naqli dan

Aqli. Langkah ini diteruskan dengan menempatkan tiga kursus Massive Open Online Course (MOOC) USIM dalam iTunes menjelang akhir tahun ini.

“Penghasilan iBook pula akan dimulakan tahun depan dengan kerjasama fakulti di USIM. Hujung bulan lalu, iTunes U USIM menempatkan lebih 12 video melalui tujuh kategori,” katanya.